



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS GRADUASI MAMACARE LPPKN Ke-2**

**DEWAN UTAMA, HOTEL PREMEIRA, KUALA LUMPUR**

**29 MAC 2016 (SELASA)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh

Salam Kekeluargaan dan Salam 1 Malaysia

## **SALUTASI**

### **PENDAHULUAN**

1. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang cukup bermakna meraikan satu lagi hasil kejayaan program Latihan Penjagaan Selepas Bersalin *MamaCare*. Tahniah saya ucapkan kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan Program Latihan Penjagaan Selepas Bersalin ***MamaCare*** bagi tahun 2015.
2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Persatuan *MamaCare* Malaysia (MAM) di atas penganjuran Majlis Graduasi Program *MamaCare* LPPKN kali ke-2. Majlis graduasi pertama telah diadakan pada tahun 2014 iaitu seramai 91 pengamal telah berjaya ditauliahkan. Hari ini, giliran 251 lagi orang pelatih yang telah tamat sesi latihan tahun 2015 akan ditauliahkan. Peningkatan sebanyak 63 peratus jumlah peserta ini juga menunjukkan bahawa Program Penjagaan Selepas Bersalin *MamaCare* kini semakin mendapat tempat di kalangan golongan wanita. InsyaAllah pada tahun

ini, MamaCare akan melatih 140 orang wanita lagi dalam usaha penjanaan pendapatan mereka.

3. Penganjuran majlis graduasi ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan dalam mengangkat martabat profesion penjagaan dan amalan urutan wanita selepas bersalin. Sesungguhnya penjagaan ibu-ibu semasa pantang yang diberikan oleh para pengamal tradisional selama ini khususnya terhadap golongan ibu bekerjaya banyak membantu mempercepatkan pemulihan kesihatan tubuh badan ibu sebelum mereka kembali bekerja.

## **AMALAN TRADISI PENJAGAAN IBU SELEPAS BERSALIN**

Hadirin yang dihormati,

4. Kerajaan sememangnya amat prihatin dan komited untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan kebajikan wanita terutama dalam aspek penjagaan kesihatan. Program *MamaCare* merupakan salah satu usaha Kementerian melalui LPPKN menyediakan latihan kemahiran terutama dalam kalangan isirumah berpendapatan rendah berkaitan aspek amalan tradisional penjagaan ibu selepas bersalin. Program *MamaCare* ini dilaksanakan secara kolaborasi pintar dengan Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari (TCM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Melayu Malaysia (GAPERA). Melalui

program ini, pelatih yang berjaya menamatkan program *MamaCare* seterusnya akan memberi khidmat urutan dan penjagaan selepas bersalin bagi membantu memulihkan kesihatan tubuh badan ibu sebelum mereka kembali bekerja.

5. Saya difahamkan, melalui program latihan ini, para peserta turut diberi ilmu pengetahuan moden berkaitan tips penjagaan kesihatan ibu dan bayi, perancang keluarga, keibubapaan dan pemakanan. Ilmu tambahan ini boleh dianggap aset yang *extra edge* (nilai tambah) dalam memberi perkhidmatan penjagaan selepas bersalin. Sejak mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2012, hampir 60 ribu sesi urutan selepas bersalin dan kesejahteraan wanita telah memberi manfaat kepada golongan sasarannya. TAHNIAH dan SYABAS !!!
  
6. Sesungguhnya, khidmat Penjagaan Selepas Bersalin yang disediakan menerusi program *MamaCare* banyak memberi sumbangan yang signifikan kepada negara. Penyediaan khidmat ini juga selaras dengan Garis Panduan Penjagaan Ibu Selepas Bersalin (PNC) dan Bayi Baru Lahir (*newborn*) yang dikeluarkan oleh WHO pada tahun 2014 yang mencadangkan ibu dan bayi harus menerima lawatan PNC dalam tempoh 24 jam selepas kelahiran dan sekurang-kurangnya 3 tambahan kontrak lawatan selepas itu iaitu 3 hari, 7 hari dan 7-14 hari selepas kelahiran.

7. Budaya dan amalan tradisi urutan selepas bersalin yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain perlu dipertahankan sebagai nilai pengetahuan asal atau disebut sebagai ***Indigenous Knowledge (IK)***. Menurut UNESCO, IK merupakan komponen asas dan sebahagian daripada sistem budaya sesebuah masyarakat selain berperanan sebagai agen perubahan dan kelestarian pembangunan (*sustainable development*) sesebuah masyarakat dan negara bangsa.
8. Inovasi sosial *MamaCare* ini telah memberi wajah baru dan mengangkat semula amalan urutan warisan Melayu selain turut memberi *spill over impact* dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga dan sosial. Malahan amalan budaya tradisi ini juga turut menjadi penghubung dalam mengukuhkan hubungan diplomasi dengan negara yang lain.

## **SOCIAL BUSINESS**

9. Penjagaan ibu selepas bersalin telah menjadi sebuah industri perkhidmatan yang popular terutama *confinement home care*. Di Malaysia sendiri, *confinement home care* popular kalangan bangsa Cina. Ia merupakan satu peluang dan ruang perniagaan sosial berteraskan penjagaan ibu dan bayi yang dipakejkan secara komprehensif dan semakin mendapat tempat. Melihat kepada potensi ini, perkhidmatan *MamaCare* juga boleh meneroka peluang seumpama itu. Ia bukan sahaja untuk penjagaan ibu dan bayi serta

urutan, tetapi termasuk dengan jualan produk berkaitan kecantikan dan juga kesihatan. Ibu bersalin memerlukan penjagaan yang rapi, termasuk fizikal dan emosi agar dapat memainkan peranan yang pelbagai sebagai ibu, isteri dan juga pekerja.

10. Saya difahamkan berdasarkan laporan yang diterima, jumlah pendapatan tahunan para pengamal *MamaCare* sejak tahun 2013 ialah sebanyak RM5.3 juta dan pendapatan tertinggi mencecah sehingga RM12,000 sebulan. Hasil kejayaan para pengamal *MamaCare* ini diharap dapat menyuntik semangat wanita-wanita kumpulan LIH (low income household) yang lain untuk turut menyertai program *MamaCare* ini. Selain itu, selari dengan rancangan pembangunan negara yang turut memberi perhatian terhadap golongan B40, kementerian komited melibatkan penyertaan wanita dalam kalangan isirumah B40 dalam program *MamaCare* bagi tahun 2016. Dengan potensi pasaran sedia ada iaitu purata 500,000 kelahiran setahun akan membolehkan para pengamal *MamaCare* memberi perkhidmatan ini kepada sesiapa tanpa mengira bangsa dan kaum termasuk ke luar negara. Lebih membanggakan ialah ada pengamal yang berjaya memberi perkhidmatan mereka ke luar negara hingga ke Dubai, Singapura, London, Vietnam, Thailand dan Brunei. Pembuktian bahawa urutan ini boleh menjadi industri global dan antarabangsa.

## MELANGKAH KE HADAPAN : MAMACARE 2.0

11. Untuk memastikan kelestarian Program *MamaCare* terus mendapat sambutan kumpulan sasar dan klien, usaha ke arah pengukuhan dan penjenamaan produk giat dijalankan. *MamaCare 2.0 (two point O)* akan memberi beberapa penambahbaikan dan nilai tambah dalam modul latihan kemahiran iaitu elemen pengurusan rumah tangga (*home manager*), bantu di rumah (*home help*) dan penjagaan bayi. Manakala aksesibiliti terhadap perkhidmatan *MamaCare* akan dipertingkatkan menerusi pembangunan aplikasi atas talian iaitu *Mamacare.Com*. Aplikasi ini akan membolehkan orang ramai mengakses sendiri pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan dan sudah tentu bakal memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada pengamal *MamaCare* untuk memasarkan perkhidmatan dan produk mereka.

## Penutup

12. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak LPPKN dan Persatuan *MamaCare* Malaysia (MAM) yang telah bekerjasama dalam usaha mengadakan kursus *MamaCare*. Ucapan

terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis dan tahniah kepada para graduan ditauliahkan hari ini.

13. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya buka Majlis dan Sidang Graduasi *MamaCare* LPPKN Kali ke- 2 dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.